

Newspaper	Berita Harian
Date	07/08/2017

Saya yakin kesetiaan Zahid: Najib

BH - 7/8/2017
Pg. 2

→ Dakwaan bahawa TPM pernah bertemu Dr Mahathir minta sokongan jadi PM tidak masuk akal

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Shah Alam

Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau yakin dengan kesetiaan timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah berjuang bersama-sama Ahmad Zahid sejak 1986 ketika mereka masih dalam Pergerakan Pemuda UMNO.

Justeru, beliau berkata, dakwaan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa Ahmad Zahid pernah bertemu dengannya dan meminta sokongannya untuk menjadi Perdana Menteri, adalah tidak masuk akal.

Katanya, Dr Mahathir akan menggunakan apa sahaja cara dan senjata untuk menjatuhkan sesiapa sahaja yang berbeza pendapat, termasuk dengan melaga-lagakannya dengan Ahmad Zahid.

“Berbeza pendapat adalah biasa tetapi dalam sejarah, siapa yang dia (Dr Mahathir) tak berbeza pendapat? Dari zaman Tunku Abdul Rahman, dia bergaduh. (Tun) Hussein Onn yang lantik dia sebagai Perdana Menteri pun dia kutuk. Cuma tak bergaduh dengan Tun Hussein (tetapi) belakang dia kutuk. Tengku Razaleigh Hamzah dia gaduh, Tun Musa Hitam dia gaduh... siapa lagi? (Datuk Seri Anwar Ibrahim) Anwar dia gaduh dan Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi). Tun Ghafar Baba dia kuis saja.

“Cuma Tun Abdul Razak Hussein saja dia tak sempat (gaduh), dia tunggu anaknya, semua tak betul. Sekarang dia cuba pula melagakan saya dengan Timbalan Perdana Menteri.

Susah senang bersama

“Dia tak faham (hubungan) Ahmad Zahid dengan saya bukan baharu. Dia sudah bersama saya sejak 1986, susah senang bersama. Saya pernah mempertahankan Ahmad Zahid di bahagiannya ke-

tika dia menjadi Ketua Pemuda dan Ketua Bahagiannya nak lawan dia (dalam pemilihan),” katanya ketika merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Shah Alam di sini, petang semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar dan Ketua UMNO Bahagian Shah Alam, Datuk Azahari Shaari.

Dr Mahathir guna ISA

Najib berkata, Dr Mahathir pernah menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menahan Ahmad Zahid dan memaksanya melepaskan jawatan Ketua Pemuda UMNO ketika itu.

“Ahmad Zahid suatu ketika menjadi Ketua Pemuda UMNO bertaraf Naib Presiden, dibawa masuk ISA.

“Dia (Dr Mahathir) hantar dua pegawai Cawangan Khas (SB). Dua pegawai itu kata jika nak keluar daripada tahanan ISA lebih awal, sign (tanda tangan) surat letak jawatan Ketua Pemuda. Ketua Pe-



Berbeza pendapat adalah biasa, tetapi dalam sejarah, siapa yang dia (Dr Mahathir) tak berbeza pendapat? Dari zaman Tunku Abdul Rahman, dia bergaduh. (Tun) Hussein Onn yang lantik dia sebagai Perdana Menteri pun dia kutuk. Cuma tak bergaduh dengan Tun Hussein (tetapi) belakang dia kutuk”

Najib Razak,
Perdana Menteri



muda yang perwakilan UMNO pilih dipaksa letak jawatan.

“Ahmad Zahid terpaksa melepaskan jawatan. Selepas itu, hari esok pegawai itu datang semula dengan satu lagi surat menyatakan Ahmad Zahid letak jawatan dengan kerelaan hati tanpa dipaksa.

“Sebab itu tidak masuk akal se-

lepas jadi Timbalan Perdana Menteri, dia jumpa Dr Mahathir minta gulingkan saya. Kepemimpinan UMNO hari ini kukuh. Saya tetap yakin dengan timbalan saya,” katanya.

Lagi berita - Ms.5



Keratan muka depan
BH, kelmarin.